

TERMA RUJUKAN

LANTIKAN SEBAGAI PELAPOR (RAPPORTEUR) NEXUS PRODUKTIVITI AGRO-MAKANAN BAGI SIRI WEBINAR BERKAITAN INDUSTRI UNGGAS

1. Latar belakang

Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) akan menganjurkan siri webinar berkaitan industri unggas. Objektif siri webinar ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat kepada semua pihak berkepentingan mengenai latar belakang, pembangunan serta isu yang dihadapi oleh pihak industri unggas di Malaysia.

2. Skop kerja

- Menyediakan laporan setiap sesi webinar dan menghantar laporan tersebut kepada pihak AFPN dalam masa yang ditetapkan;
- Menghadiri setiap sesi webinar yang diadakan atau membuat laporan melalui rakaman video yang akan dikongsikan oleh MPC sehari selepas sesi webinar;
- Menghadiri setiap sesi perbincangan/semakan bersama pihak AFPN (jika perlu); dan
- Memberi pandangan atau input yang boleh disertakan dalam laporan yang disediakan.

3. Format laporan

- Laporan hendaklah disediakan menggunakan format yang telah dipersetujui oleh pihak AFPN;
- Laporan disediakan dalam Bahasa Inggeris; dan
- Jumlah minimum muka surat adalah 2 dan jumlah maksimum adalah 5.

4. Tempoh tugas

Tugas akan bermula daripada siri webinar yang pertama (7 November 2020) dan akan tamat pada 16 Disember 2020.

5. Terma bayaran

Honorarium perkhidmatan adalah seperti berikut;

Fasa	Activities	Kadar / Muka surat (RM)	Butiran Pembayaran	Total (RM)
Fasa 1:	5 Siri Webinar	RM150/muka surat	5 Webinar x 5 mukasurat x RM150	3,750.00
Fasa 2:	5 Siri Webinar	RM150/muka surat	5 Webinar x 5 mukasurat x RM150	3,750.00
TOTAL				7,500.00

Nota:

- Perkhidmatan yang dilantik adalah seperti yang ditentukan dalam peranan dan tanggungjawab yang dinyatakan di atas, di mana tugas harus dicapai.
- Pembayaran akan dibuat selepas selesai mengikut fasa yang telah ditetapkan.
- Kadar yang ditetapkan adalah kadar perolehan MPC bagi perkhidmatan secara maya.

6. Hak cipta

- MPC mempunyai hak milik eksklusif untuk semua laporan atau apa-apa dokumen lain dan mana-mana gambar yang berkaitan.
- Semua salinan, maklumat yang berkaitan dan penemuan semasa menjalankan tugas ini perlulah diserahkan kepada pihak MPC.
- Tidak ada bahagian dari laporan ini atau dokumen lain yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula (retrieval system) atau dihantar dalam sebarang bentuk apa pun atau secara elektronik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa izin bertulis dari MPC.
- Penulis atau organisasi mereka bersetuju bahawa nama mereka tidak akan disiarkan dalam laporan atau dokumen lain.
- Semua penulisan mestilah asli dan tidak diterbitkan sebelumnya. Sebarang penulisan yang didapati diciplak dari mana-mana penulisan lain akan ditolak.

7. Kerahsiaan

Semua maklumat yang dikongsi dan dibincangan semasa sesi perbincangan adalah sulit dan tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada pihak lain tanpa kebenaran daripada pihak MPC.

8. Sekretariat

Pn. Safura Abdul Malek

Pengurus

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti off Jalan Sultan

46200 Petaling Jaya, Selangor

Tel. : 012-8920999, 03-79557266

Emel : safura@mpc.gov.my

Pn. Nur Fatimah Mohd Zaki

Penolong Pengurus

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti off Jalan Sultan

46200 Petaling Jaya, Selangor

Tel. : 011-10190313, 03-79557266

Emel : nurfatimah@mpc.gov.my